



GO-JEK

# Bahaya topi busuk?

■ **Soal kebersihan dan kesihatan jadi kebimbangan**

**Yusmizal Dolah Aling**  
yusmizal@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

T imbul persoalan pihak mana yang akan bertanggungjawab mengenai isu kebersihan dan kesihatan pembonceng Gojek jika topi keledar yang digunakan bersilih ganti bertukar digunakan orang lain.

Berisiko mempunyai sentuhan langsung menerusi peluh dan hakisan kulit, ia akan mengundang pelbagai penyakit terutama berkaitan kulit kerana topi keledar yang sama digunakan puluhan atau ratusan orang se-

tiap hari.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani berkata, perkara itu wajar diberi perhatian kerana boleh menjadi punca penyebaran penyakit secara tidak langsung.

Katanya, dalam keadaan biasa, pembonceng motosikal akan berpeluh dan ia akan melekat di topi keledar yang digunakan pelanggan selepasnya serta berkeungkinan besar tiada kawalan daripada segi pencegahan penyakit.

“Mungkin ada yang kata badan juga berpeluh, tetapi peluh di badan akan melekat

di baju dan tidak terkena secara langsung.

“Peluh di kepala akan melekat di topi keledar dan dikongsi pengguna lain selepas itu.

“Bagaimana jika pembonceng mempunyai masalah penyakit kulit dan ia menjadi punca penyakit. Soal kebersihan ini memang penting,” katanya selepas mengadakan perbincangan bersama Pengurus Persatuan Pengguna Jalan Raya Kebangsaan (PPJK) Mohammad Hisham Shafie, di sini, semalam.

Dalam perbincangan itu, kedua-dua pihak tidak bersetuju dengan pelaksanaan Gojek di negara ini atas beberapa faktor antaranya risiko kemalangan yang akan me-

ningkat ekoran pertambahan motosikal di jalan raya.

Dr Kulanthayan berkata, secara relatifnya motosikal berisiko untuk terbabit dalam kemalangan kerana mempunyai dua roda dan boleh membabitkan pengguna jalan raya yang lain.

“Berbanding kereta, motosikal juga lebih terdedah kerana ia terbuka berbanding roda empat yang tertutup. Kalau berlaku kemalangan, kesannya akan lebih ketara kepada pengguna motosikal.

“Kita faham isu menyediakan pekerjaan kepada mat motor atau belia, tetapi ada banyak lagi cara lain seperti mengadakan kursus berasaskan kemahiran atau bidang lain,” katanya.